



Electrolux



electrolux.com/register




KOAAS3SH

KOAAS3ST

MS Manual Pengguna | **Ketuhar stim**



PEMASANGAN



Selamat datang ke Electrolux! Terima kasih kerana memilih perkakas kami.



Dapatkan nasihat penggunaan, brosur, penyelesaian masalah, maklumat servis dan pembaikan:

www.electrolux.com/support

Tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

KANDUNGAN

1. MAKLUMAT KESELAMATAN.....	3
2. ARAHAN KESELAMATAN.....	5
3. PENERANGAN PRODUK.....	8
4. PANEL KAWALAN.....	8
5. SEBELUM PENGGUNAAN PERTAMA.....	9
6. KEGUNAAN HARIAN.....	10
7. FUNGSI TAMBAHAN.....	15
8. FUNGSI JAM.....	16
9. MENGGUNAKAN AKSESORI.....	17
10. PETUNJUK DAN PETUA.....	18
11. PENJAGAAN DAN PEMBERSIHAN.....	22
12. PENYELESAIAN MASALAH.....	25
13. KECEKAPAN TENAGA.....	27
14. KEBIMBANGAN ALAM SEKITAR.....	28

1. ⚠ MAKLUMAT KESELAMATAN

Sebelum pemasangan dan penggunaan perkakas ini, baca arahan yang diberikan dengan teliti. Pengilang tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kecederaan atau kerosakan aibat daripada pemasangan atau penggunaan yang tidak betul. Sentiasa pastikan arahan berada dalam lokasi yang selamat dan tidak boleh diakses untuk rujukan akan datang.

1.1 Keselamatan kanak-kanak dan orang yang mudah terjejas

- Perkakas ini boleh digunakan oleh kanak-kanak yang berumur dari 8 tahun dan ke atas serta orang yang mempunyai kurang keupayaan fizikal, deria atau mental atau kurang berpengalaman serta berpengetahuan sekiranya mereka telah diberi penyeliaan atau arahan

berkenaan penggunaan perkakas dengan cara yang selamat dan memahami bahaya yang terlibat. Kanak-kanak yang berumur antara 3 dan 8 tahun serta orang yang mempunyai kekurangan upaya yang sangat menyeluruh dan kompleks perlu dijauhkan dari perkakas melainkan diawasi sepanjang masa.

- Awasi kanak-kanak bagi memastikan mereka tidak bermain-main dengan perkakas dan peranti mudah alih dengan aplikasi.
- Simpan semua bungkusan jauh daripada kanak-kanak dan lupuskannya dengan sewajarnya.
- AMARAN: Perkakas dan bahagian yang boleh dicapai boleh menjadi panas semasa digunakan. Pastikan kanak-kanak dan haiwan peliharaan berada jauh daripada perkakas semasa penggunaan dan penyeyjukan.
- Jika perkakas mempunyai alat keselamatan kanak-kanak, alat itu hendaklah diaktifkan.
- Kanak-kanak seharusnya tidak menjalankan pembersihan dan penyelenggaraan perkakas tanpa penyeliaan.

1.2 Keselamatan Am

- Perkakas ini hanya untuk tujuan memasak.
- Perkakas ini direka untuk kegunaan domestik isi rumah dalam persekitaran dalaman.
- Perkakas ini boleh digunakan di pejabat, bilik tetamu hotel, bilik tetamu lojing, rumah tetamu ladang dan penginapan serupa yang lain yang penggunaannya tidak melebihi tahap kegunaan domestik (purata).
- Hanya orang yang layak boleh memasang perkakas ini dan menggantikan kabel.
- Jangan gunakan perkakas sebelum memasangnya di dalam struktur terbina dalam.
- Putuskan sambungan perkakas daripada bekalan kuasa sebelum melakukan sebarang penyelenggaraan.

- Jika kord bekalan rosak, ia mesti diganti oleh pengilang, Pusat Servis Sah atau individu dengan kelayakan yang serupa bagi mengelakkan bahaya elektrik.
- AMARAN: Pastikan alat dimatikan sebelum mengganti lampu untuk mengelakkan kemungkinan kejutan elektrik.
- AMARAN: Perkakas dan bahagian yang boleh dicapai boleh menjadi panas semasa digunakan. Sila berhati-hati bagi mengelakkan daripada tersentuh elemen pemanas atau permukaan rongga perkakas.
- Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar untuk menanggalkan atau memasukkan aksesori atau peralatan ketuhar.
- Hanya gunakan sensor makanan (sensor suhu teras) yang disyorkan bagi perkakas ini.
- Untuk menanggalkan penyokong rak, tarik dahulu bahagian hadapan penyokong rak dan kemudian hujung belakang menjauh dari dinding sisi. Pasang sokongan rak mengikut jujukan songsang.
- Jangan gunakan pembersih wap untuk membersihkan perkakas.
- Jangan gunakan pembersih pelelas yang kasar atau pengikis logam yang tajam untuk membersihkan pintu kaca kerana ia boleh mencalarkan permukaan yang mungkin mengakibatkan kaca pecah.

2. ARAHAN KESELAMATAN

2.1 Pemasangan

AMARAN!

Hanya orang yang layak boleh memasang perkakas ini.

- Tanggalkan semua bungkus.
- Jangan pasang atau gunakan alat yang rosak.
- Ikuti arahan pemasangan yang tersedia di laman web kami.
- Sentiasa berhati-hati ketika memindahkan perkakas kerana perkakas ini berat.

Sentiasa gunakan sarung tangan keselamatan dan kasut yang bertutup.

- Jangan tarik alat dengan pemegang.
- Pasang perkakas di dalam tempat yang selamat dan sesuai yang memenuhi keperluan pemasangan.
- Pastikan jarak minimum dari perkakas dan unit lain.
- Sebelum memasang perkakas, periksa jika pintu perkakas boleh terbuka tanpa sekatan.
- Perkakas dilengkapi dengan sistem penyejukan elektrik. Ia mesti dikendalikan menggunakan kuasa elektrik.

2.2 Sambungan elektrik

AMARAN!

Risiko berhadapan kebakaran dan mengalami kejutan elektrik.

- Semua penyambungan elektrik harus dilakukan oleh juruelektrik yang berkelayakan.
- Untuk Singapura sahaja, pendawaian tetap digunakan.
- Alat mesti dibumikan.
- Pastikan bahawa parameter pada plat pengedaran adalah serasi dengan kadaran elektrik bekalan kuasa utama.
- Sentiasa gunakan soket kalis kejut yang dipasang dengan betul.
- Jangan gunakan penyesuai dan kabel sambungan berbilang palam.
- Pastikan agar tidak menyebabkan kerosakan pada palam utama dan kabel utama. Sekiranya kabel utama perlu diganti, ini mesti dilakukan oleh Pusat Servis Sah.
- Jangan biarkan kabel utama bersentuhan atau berdekatan dengan pintu atau ceruk di bawah perkakas, terutama sekali apabila ia beroperasi atau pintunya panas.
- Perlindungan kejutan pada bahagian hidup dan bertebat mesti diikat dengan cara ia tidak dapat dibuka tanpa alat.
- Sambungkan palam utama pada soket utama hanya pada penghujung proses pemasangan. Pastikan palam utama boleh diakses selepas pemasangan.
- Sekiranya soket utama longgar, jangan sambungkan palam utama.
- Jangan tarik kabel utama untuk mencabut perkakas. Sentiasa tarik palam utama.
- Hanya gunakan peranti pengasingan yang betul: pemotong perlindungan talian, fius (fius jenis skru dikeluarkan daripada pemegang), belantik dan sesentuh kebocoran bumi.
- Pemasangan elektrik mesti mempunyai alat pengasingan yang membolehkan anda memutuskan perkakas dari sumber elektrik di semua tiang. Peranti pengasingan mesti mempunyai lebar bukaan minimum 3 mm.
- Perkakas ini hanya dibekalkan dengan kabel utama sahaja.

2.3 Gunakan

AMARAN!

Risiko mendapat kecederaan, mengalami lecur dan kejutan elektrik atau letupan.

- Jangan ubah spesifikasi perkakas ini.
- Pastikan bukaan pengudaraan tidak tersekat.
- Jangan biarkan alat tidak diawasi semasa operasi.
- Nyahaktifkan alat selepas setiap penggunaan.
- Berhati-hati ketika anda membuka pintu perkakas semasa alat sedang beroperasi. Udara panas boleh dibebaskan.
- Jangan kendalikan alat ini dengan tangan yang basah atau apabila ia bersentuhan dengan air.
- Jangan berikan tekanan pada pintu terbuka.
- Jangan gunakan alat ini sebagai permukaan kerja atau sebagai permukaan penyimpanan.
- Buka pintu perkakas dengan berhati-hati. Penggunaan bahan dengan alkohol boleh menyebabkan campuran alkohol dan udara.
- Jangan biarkan percikan api atau api terbuka bersentuhan dengan perkakas semasa anda membuka pintu.
- Sentiasa gunakan kaca dan balang yang diluluskan untuk tujuan pemeliharaan.
- Jangan letakkan produk mudah terbakar atau barang yang lembap dengan produk mudah terbakar di, berhampiran atau di atas perkakas.
- Jangan kongsi kata laluan Wi-Fi anda.

AMARAN!

Risiko berlaku kerosakan pada pada perkakas.

- Untuk mengelakkan kerosakan atau perubahan warna pada enamel:
 - jangan letakkan peralatan ketuhar atau benda lain terus pada bahagian bawah rongga perkakas.
 - jangan letakkan kerajang aluminium betul-betul di bahagian bawah rongga perkakas.
 - jangan masukkan air terus ke dalam perkakas panas.

- jangan simpan pinggan mangkuk dan makanan yang lembap di dalam perkakas setelah anda selesai memasak.
- berhati-hati semasa anda menanggalkan atau memasang aksesori.
- Perubahan warna enamel atau keluli tahan karat tidak memberi kesan terhadap prestasi perkakas.
- Gunakan kualiti dalam untuk kuih lembap. Jus buah boleh menyebabkan kotoran yang boleh kekal.
- Guna aksesori yang disertakan untuk perkakas ini atau disyorkan oleh pengeluar sahaja.
- Sentiasa memasak dengan pintu ketuhar ditutup.
- Sekiranya perkakas dipasang di belakang panel perabot (mis. pintu) pastikan pintu tidak ditutup ketika perkakas sedang beroperasi. Haba dan kelembapan mungkin terkumpul di belakang panel perabot tertutup dan menyebabkan kerosakan kepada perkakas, unit perumahan atau lantai. Jangan tutup panel perabot sehingga peralatan telah sejuk sepenuhnya selepas digunakan.

2.4 Penjagaan dan pembersihan

AMARAN!

Risiko mendapat kecederaan, berhadapan dengan kebakaran atau berlaku kerosakan pada perkakas.

- Sebelum penyelenggaraan, nyahaktifkan perkakas dan cabut keluar palam utama dari soket utama.
- Pastikan perkakas sudah sejuk. Terdapat risiko panel kaca akan pecah.
- Gantikan panel kaca pintu serta-merta apabila ia rosak. Hubungi Pusat Servis Sah.
- Berhati-hati apabila anda mengalihkan pintu daripada perkakas, pintu berat.
- Bersihkan perkakas secara kerap untuk mengelakkan penyusutan bahan permukaan.
- Bersihkan perkakas dengan kain lembut yang lembap. Gunakan hanya detergen yang neutral. Jangan gunakan produk

pelelas, pad pembersihan pelelas, pelarut atau objek logam.

- Jika anda menggunakan penyembur ketuhar, ikuti arahan keselamatan pada pambalutnya.

2.5 Pemasakan Secara Stim

AMARAN!

Risiko mengalami lecur dan berlaku kerosakan pada perkakas.

- Stim yang dilepaskan boleh mengakibatkan melecur:
 - Berhati-hati apabila anda membuka pintu perkakas ketika fungsi diaktifkan. Stim boleh dikeluarkan.
 - Buka pintu perkakas dengan berhati-hati selepas operasi pemasakan stim.

2.6 Pencahayaan dalaman

AMARAN!

Risiko mendapat kejutan elektrik.

- Mengenai lampu di dalam produk ini dan lampu alat ganti dijual secara berasingan: Lampu ini digunakan untuk menahan keadaan fizikal yang melampau dalam peralatan rumah seperti suhu, getaran, kelembapan atau dicipta untuk memberi isyarat maklumat mengenai status operasi perkakas. Mereka tidak dicipta untuk digunakan dalam aplikasi lain dan tidak sesuai untuk penerangan ruangan rumah.
- Produk ini mengandungi sumber cahaya dari kelas kecekapan tenaga G.
- Hanya gunakan lampu yang mempunyai spesifikasi yang sama .

2.7 Servis

- Untuk memperbaiki perkakas, hubungi Pusat Servis Sah.
- Gunakan bahagian ganti tulen sahaja.

2.8 Pelupusan

AMARAN!


Risiko mendapat kecederaan atau kelelahan.

- Hubungi pihak berkuasa perbandaran anda untuk maklumat tentang cara melupuskan perkakas.
- Cabut keluar palam perkakas dari bekalan utama.

- Putuskan kabel elektrik sesalur yang berdekatan dengan perkakas dan buangnya.

3. PENERANGAN PRODUK


3.1 Ringkasan



- 1** Panel kawalan
- 2** Paparan
- 3** Tangki air
- 4** Soket untuk sensor makanan
- 5** Elemen pemanas
- 6** Lampu
- 7** Kipas
- 8** Membuang kerak saluran keluar paip
- 9** Sokongan rak, boleh tanggal
- 10** Kedudukan rak

4. PANEL KAWALAN

4.1 Gambaran keseluruhan panel kawalan



1	ON (HI-DUP) / OFF (MATI)	Tekan dan tahan untuk menghidupkan dan mematikan perkakas.
2	Paparan	Menunjukkan tetapan semasa perkakas.








Panel kawalan menyediakan akses kepada pelbagai fungsi memasak dan hidangan. Ia








juga memaparkan maklumat tentang status operasi semasanya.

4.2 Paparan

Paparan interaktif sepenuhnya, boleh digelangsar dan dibahagikan kepada bahagian yang ditentukan. Anda boleh meleret skrin untuk menavigasi ke kiri atau kanan.

OK	Untuk mengesahkan pemilihan / tetapan.
>	Untuk menavigasi ke tahap seterusnya atau sebelumnya dalam menu.
<	
^	Untuk mengakses dan melaraskan tetapan.
v	
♥	Untuk menyimpan tetapan semasa dalam: Favourites (Kegegaran).

	Untuk memadam tetapan semasa dalam: Favourites (Kegemaran).
	Untuk pergi ke menu: Settings (Tetapan).
	Untuk menghidupkan dan mematikan lampu.
	Untuk menghidupkan dan mematikan pilihan.
	Perkakas dikunci.
	Fungsi Sound Alarm (Bunyikan Penggera) diaktifkan.
	Fungsi Sound Alarm and stop cooking (Bunyikan Penggera dan berhenti memasak) diaktifkan.

	Pop up message only (Mesej pop timbul sahaja) diaktifkan.
	Fungsi Delayed start (Permulaan tertangguh) diaktifkan.
	Untuk menutup mesej pop timbul atau membatalkan tetapan.
	Sambungan Wi-Fi dihidupkan.
	Sambungan Wi-Fi dimatikan.
	Remote Operation (Operasi Jarak Jauh) dihidupkan.
	Fungsi dengan mod penjimatan tenaga.

5. SEBELUM PENGGUNAAN PERTAMA

AMARAN!

Rujuk bab Keselamatan.

5.1 Sambungan pertama

Paparan menunjukkan mesej selamat datang selepas sambungan pertama. Anda boleh memilih antara memulakan atau melangkaui proses suai tugas. Tetapan boleh disemak semula dan diubah suai bila-bila masa diperlukan.

Laraskan tetapan: Language (Bahasa), Time of Day (Masa), Water Hardness (Keliatan Air), Sambungan wayarles.


5.2 Sambungan wayarles

Perkakas ini membolehkan sambungan rangkaian Wi-Fi dan pautan peranti mudah alih. Anda boleh menerima pemberitahuan, mengawal dan memantau perkakas anda dari peranti mudah alih anda.

Untuk menyambungkan perkakas, anda perlu:

- Rangkaian wayarles dengan sambungan Internet.
 - Peranti mudah alih yang bersambung pada rangkaian wayarles yang sama.
1. Untuk memuat turun aplikasi, imbas kod QR yang terdapat pada kulit belakang manual pengguna. Anda juga boleh

memuat turun aplikasi secara terus daripada app store.

2. Ikuti arahan pengaturan apl.
3. Hidupkan perkakas.
4. Tekan paparan untuk memasuki menu dan tekan  Settings (Tetapan) / Connections (Sambungan).
5. Tekan untuk menghidupkan atau mematikan: Wi-Fi.

Modul wayarles perkakas bermula dalam 90 saat.

Kekerapan	2.4 GHz WLAN : 2400 - 2483.5 MHz
	Bluetooth : 2400 - 2483.5 MHz
Kuasa Maks	2.4 GHz WLAN : EIRP < 20 dBm (100 mW)
	Bluetooth : EIRP < 20 dBm (100 mW)
Protokol	2.4 GHz WLAN : IEEE 802.11bgn

5.3 Lesen perisian




Perisian dalam produk ini mengandungi komponen berdasarkan perisian sumber percuma dan terbuka. Electrolux mengucapkan terima kasih atas sumbangan komuniti perisian terbuka dan robotik untuk projek pembangunan.

Untuk mengakses kod sumber komponen perisian sumber terbuka dan percuma ini

yang syarat lesennya memerlukan penerbitan, dan untuk melihat maklumat hak cipta sepenuhnya serta syarat lesen yang berkenaan, sila kunjungi: <http://electrolux.opensoftwarerepository.com> (folder NIU6).

5.4 Prapemanasan awal dan pembersihan


Panaskan dahulu peralatan yang kosong sebelum kegunaan kali pertama dan bersentuhan dengan makanan. Perkakas boleh mengeluarkan bau dan asap yang tidak menyenangkan. Udarakan bilik semasa pemanasan awal.

1. Alihkan semua aksesori dan sokongan rak boleh tanggal daripada perkakas.
2. Masuk ke menu dan pilih: Functions (Fungsi).
3. Setkan fungsi . Tetapkan suhu maksimum. Biarkan perkakas beroperasi selama 1 j.
4. Setkan fungsi . Tetapkan suhu maksimum. Biarkan peralatan beroperasi selama 15 min.
5. Setkan fungsi . Tetapkan suhu maksimum. Biarkan peralatan beroperasi selama 15 min.
6. Matikan perkakas dan tunggu sehingga ia sejuk.
7. Bersihkan perkakas dan aksesori dengan kain gentian mikro, air suam dan detergen ringan sahaja.
8. Letakkan aksesori dan sokongan rak boleh tanggal kembali ke kedudukan asalnya.

5.5 Tetapan: Water Hardness (Keliatan Air)





Apabila anda menyambungkan perkakas ke kabel utama, anda harus menetapkan tahap kesadahan air.

Gunakan kertas ujian atau hubungi pembekal air anda untuk memeriksa tahap kesadahan air.

1. Masukkan kertas ujian ke dalam air paip selama kira-kira 1 saat. Jangan letakkan kertas ujian di bawah air yang mengalir.
2. Goncangkan kertas ujian untuk membuang lebihan air.
3. Selepas 1 min, periksa kesadahan air menggunakan jadual di bawah.
4. Tetapkan tahap kesadahan air  Settings (Tetapan) / Setup (Persediaan) / Water Hardness (Keliatan Air).

Warna kertas ujian terus berubah. Periksa kesadahan air dalam tempoh 1 min selepas ujian.

Jadual menunjukkan julat kesadahan air dengan tahap klasifikasi air yang sesuai. Selaraskan tahap kesadahan air mengikut jadual.

Tahap kesadahan air	Kertas ujian
1 - lembut	
2 - sederhana keras	
3 - keras	
4 - sangat keras	

6. KEGUNAAN HARIAN



AMARAN!

Rujuk bab Keselamatan.

6.1 Menu

Tekan paparan atau butang ON (HIDUP) / OFF (MATI) untuk memasuki menu.

- Home (Laman utama)

- Functions (Fungsi)
- Dishes (Hidangan)
- Settings (Tetapan)

6.2 Home (Laman utama)

Submenu mengandungi program, fungsi, hidangan dan tetapan.

6.3 Functions (Fungsi)

Submenu mengandungi senarai fungsi memasak.

Senarai fungsi mungkin berbeza bergantung pada versi perisian.

1. Masuk ke menu dan pilih: Functions (Fungsi).
2. Pilih fungsi pemanasan.
3. Laraskan tetapan.
4. Tekan . **START** Anda boleh memasang Sensor Makanan pada bila-bila masa, sebelum atau semasa memasak. Rujuk bab "Menggunakan aksesori, Sensor makanan".
5. - tekan untuk melaraskan tetapan semasa memasak. ^
6. - tekan untuk mematikan fungsi pemanasan. **STOP**



Fast (Pantas) Preheat (Prapanas) hanya tersedia untuk beberapa fungsi pemanasan. Untuk maklumat lanjut tentang pilihan prapemanasan rujuk bab "Kegunaan harian", Tetapan, Submenu: Pilihan.



Top (Atas)

Haba kuat untuk pemerangan pantas pada bahagian atas.



Bottom (Bawah)

Pemerangan secara sekata pada bahagian bawah makanan. Sesuai untuk piza atau pai, serta untuk menyiapkan kek dan quiche. Pansaskan ketuhar dahulu dan gunakan tingkat rak paling bawah.



Hot Air (Udara Panas)

Untuk memasak setiap hari pada beberapa tingkat. Dapatkan hidangan yang dimasak secara sekata tanpa mencampurkan rasa. Tetapkan suhu yang lebih rendah untuk Top & Bottom (Atas & Bawah).



Top & Bottom (Atas & Bawah)

Untuk memasak pada setiap hari pada satu tingkat. Sesuai untuk semua jenis makanan, seperti kaserol dan makanan bakar.



Hot air & Top (Udara panas & Atas)

Memanggang daging atau ayam bertulang bersaiz lebih besar untuk hasil yang lembut dan permukaan yang rangup.



Hot air & Bottom (Udara panas & Bawah)

Membakar doh secara sekata dengan kerak yang rangup. Sesuai untuk piza, quiche atau pai.



Hot air, Top & Bottom (Udara panas, Atas & Bawah)

Fungsi ini ideal untuk hidangan yang tersedia.



Steamify (Pengukusan)

Memadankan jumlah Stim yang sesuai dengan suhu yang dipilih.



ProSteam

Dapatkan hasil yang lembut dan permukaan yang rangup dengan gabungan stim dan haba. Sesuai untuk sayur-sayuran, kaserol dan daging.



Heat Save Fan (Kipas Penjimatan Haba)

Menjimatkan tenaga dengan menggunakan haba baki untuk memasak. Sesuai untuk pastri.



Steam (Stim)

Stim yang berterusan untuk makanan sihat dan berperisa.



Reheat (Panasakan semula)

Fungsi ini memanaskan semula baki makanan secara perlahan.



Grill (Gril)

Gril atau perangkan sayur-sayuran atau daging secara sekata. Juga sesuai untuk membakar roti.













SousVide

Masak makanan bertutup vakum pada suhu yang tepat untuk rasa dan tekstur yang terbaik.



Dough Prove (Pengembangan Adunan)

Suhu dioptimumkan untuk kenaikan cepat.

	Refresh (Segarkan) Kembalikan bau segar dan kelembutan dalam roti atau makanan yang dibakar (yang sudah sehari).
	Defrost (Mencair beku) Mencair beku dengan perlahan untuk penyelesaian seterusnya.
	Stew Dapatkan stew yang lembut berjus dengan mereneh semua bahan-bahan.
	Roast (Panggang) Dapatkan luaran yang rangup dan dalaman yang lembut untuk daging, ayam itik atau sayur-sayuran.
	Bread Baking (Pembakaran roti) Gunakan fungsi ini untuk menyediakan roti dan ban dengan hasil seperti seorang profesional dari segi kerangupan, warna dan kilatan kerak.
	Slow cook (Masak perlahan) Memasak perlahan-lahan meningkatkan masa memasak, tetapi anda akan mendapat hasil masakan yang lebih baik. Sebelum anda meletakkan daging dalam ketuhar, selarnya.
	Preserve (Awet) Dapatkan buah-buahan dan sayur-sayuran dalam tin yang berjus pada suhu rendah. Letakkan balang pengetinan tahan panas di atas dulang pembakar yang diisi dengan air.
	Plate warming (Pemanasan pinggan) Untuk memanaskan pinggan sebelum dihidang.
	Keep Warm (Kekal Hangat) Pastikan hidangan kekal panas untuk dihidang. Sila ambil perhatian bahawa beberapa hidangan akan terus dimasak dan mengering walaupun diletakkan dalam keadaan hangat. Tutup hidangan jika perlu.
	Dehydrate (Nyahhidrat) Meringankan buah-buahan, herba dan sayur-sayuran secara sekata pada suhu rendah. Buka pintu sekali-sekala semasa pengeringan untuk meningkatkan hasil pengeringan.



Lampu mungkin akan mati secara automatik pada suhu kurang daripada 80 °C untuk sesetengah fungsi pemanasan.

6.4 Dishes (Hidangan)

Submenu Dishes (Hidangan) terdiri daripada program yang direka untuk hidangan khusus. Setiap hidangan dalam submenu ini dilengkapi dengan tetapan yang bersesuaian. Masa dan suhu boleh dilaraskan semasa memasak.

Untuk sebahagian hidangan, anda juga boleh memasak dengan Food Sensor (Sensor Makanan).


1. Masuk ke menu dan pilih: Dishes (Hidangan).
 2. Pilih hidangan atau jenis makanan.
 3. Laraskan tetapan mengikut pilihan memasak. Laraskan berat. Pilihan tersedia untuk hidangan yang dipilih.
Tekan . OK
 4. Letakkan makanan di dalam perkakas mengikut arahan yang tersedia pada skrin.
 5. Tekan . START
- Apabila fungsi tamat, periksa sama ada makanan sudah siap. Panjangkan masa memasak, jika perlu.

6.5 Favourites (Kegemaran)



Fungsi ini tersedia untuk model terpilih sahaja.

Anda boleh menyimpan sehingga 20 tetapan kegemaran anda, seperti fungsi pemanasan, hidangan atau fungsi pembersihan.

Untuk menyimpan tetapan pilih tetapan pilihan dan tekan . 

Pilih: Favourites (Kegemaran)


1. Masuk ke menu dan tekan: Bahagian Home (Laman utama) dan gerakkan bar skrol ke kanan.
2. Tekan: View favourites (Menu kegemaran) untuk menyemak tetapan yang disimpan.
3. Pilih salah satu daripada tetapan yang disimpan.
4. Tekan untuk mula memasak. START

Padam: Favourites (Kegemaran)

1. Masuk ke menu dan pilih: Bahagian Home (Laman utama) dan gerakkan bar skrol ke kanan.
2. Tekan: View favourites (Menu kegemaran) untuk menyemak tetapan yang disimpan.
3. Tekan: untuk memadam tetapan yang disimpan. ♥

6.6 Settings (Tetapan)

Submenu ini mengandungi senarai tetapan.

Tekan paparan atau butang ON (HIDUP) / OFF (MATI) untuk memasuki menu dan tekan  Settings (Tetapan).

Submenu: Program penyelenggaraan

Steam Cleaning (Pembersihan Stim)	Pembersihan ringan.
Steam Cleaning Plus (Pembersihan Stim Tambahan)	Pembersihan normal.
Descaling (Membuang kerak)	Pembersihan litar penjanaan stim dari sisa batu kapur.
Drying (Meringering)	Proses untuk mengeringkan rongga dari pemeluwapan yang berbaki setelah penggunaan fungsi stim.
Rinsing (Pembilasan)	Proses membilas dan membersihkan litar penjanaan stim setelah kerap menggunakan fungsi stim.

Submenu: Setup (Persediaan)

Language (Bahasa)	Untuk menetapkan bahasa perkakas.
Time of Day (Masa)	Untuk menetapkan masa semasa.
Display Brightness (Kecerahan Paparan)	Untuk menetapkan kecerahan paparan.

Key Tones (Nada Kunci)	Untuk menghidupkan dan mematikan nada medan sentuhan. Tidak boleh membisukan nada untuk . ①
Buzzer Volume (Kelantangan Pembaz)	Untuk menetapkan kelantangan nada dan isyarat utama.
Temperature unit (Unit suhu)	Untuk menunjukkan unit suhu sama.
Water Hardness (Kelia-tan Air)	Untuk menetapkan kesadahan air.

Submenu: Service (Servis)

Demo Mode (Mod demo)	Kod pengaktifan / penyahaktifan: 2468
Software Version (Versi Perisian)	Maklumat mengenai versi perisian.
Reset All Settings (Tetapkan Semula Semua Tetapan)	Mengembalikan tetapan kilang.

Submenu: Preferences (Pilihan)

Light (Lampu)	Menghidupkan dan mematikan lampu.
Child Lock (Kunci Kanak-kanak)	Menghalang pengaktifan perkakas secara tidak sengaja.
Preheat/HeatUp (Prapemanasan/Pemanasan)	None (Tiada) - cara konvensional bagi pemanasan perkakas. Ia ditetapkan secara lalai dan tersedia untuk semua fungsi memasak. Pilihan boleh ditukar kepada jenis prapemanasan lain. Eco - prapemanasan perkakas dengan penggunaan tenaga yang lebih rendah. Ia tersedia untuk semua fungsi memasak. Fast (Pantas) - memendekkan masa pemanasan. Ia tersedia untuk beberapa fungsi ketuhar sahaja.

Cleaning Reminder (Peringatan pembersihan)	Mengingatkan anda bila perlu membersihkan perkakas.
Personalisation (Personalisasi)	Untuk menyesuaikan ciri skrin dan jalan pintas.



Submenu: Connections (Sambungan)

Connect To Wi-Fi (Sambung Ke Wi-Fi)	Untuk menyambung perkakas dengan rangkaian wayarles.
Wi-Fi	Untuk mengaktifkan dan menyahaktifkan: Wi-Fi.
Network (Rangkaian)	Untuk memeriksa status rangkaian dan kekuatan isyarat: Wi-Fi.
Forget Network (Lupakan Rangkaian)	Untuk menyahaktifkan rangkaian semasa dari sambungan automatik dengan perkakas.
Remote Operation (Operasi Jarak Jauh)	Untuk memulakan operasi jarak jauh secara automatik setelah menekan START (MULA). Pilihan hanya dapat dilihat setelah anda menghidupkan: Wi-Fi.

6.7 Fungsi pemanasan stim

Fungsi ini membolehkan anda menggunakan haba dan stim untuk memastikan makanan rangup dan berjus. Gunakan stim untuk mengukus, mereneh, menggoreng lembut, membakar dan memanggang.

Terdapat dua cara untuk menyediakan makanan menggunakan fungsi stim: dengan menetapkan suhu, atau dengan menetapkan tahap stim.

 **Steamify (Pengukusan)** /  **Steam (Stim)** - tetapkan suhu. Tahap stim akan dilaraskan secara automatik.

 **ProSteam** - tetapkan tahap stim. Suhu yang sesuai akan ditunjukkan.

1. Masuk ke menu dan pilih: Functions (Fungsi).
2. Tetapkan fungsi pemanasan stim. Paparan menunjukkan tetapan tersedia.

3. Tetapkan suhu dan tahap stim, jika tersedia.
4. Tekan dan ikuti arahan pada paparan. START
5. Tekan penutup tangki air untuk membuka dan mengalihkannya.
6. Isi tangki air dengan air sejuk hingga paras maksimum (sekitar 950 ml). Gunakan skala pada tangki air.

AMARAN!

Gunakan air paip sejuk sahaja. Jangan gunakan air yang ternyamineral atau air suling. Jangan tuangkan cecair mudah terbakar atau alkohol ke dalam tangki air.

7. Lap bahagian luar tangki air dengan kain lembut, jika perlu. Tolak tangki air ke kedudukan asalnya. Stim keluar selepas kira-kira 2 min. Apabila perkakas mencapai suhu yang ditetapkan, isyarat akan berbunyi.
8. Apabila tangki air kehabisan air, isyarat akan berbunyi. Isi semula tangki air.
9. Matikan perkakas.
10. Kosongkan tangki air.
11. Setelah memasak, buka pintu ketuhar dengan berhati-hati. Air baki boleh memeluwap di bahagian dalam ketuhar.
12. Apabila perkakas sejuk, keringkan bahagian dalam ketuhar dengan kain lembut.


AMARAN!

Perkakas berada dalam keadaan panas. Terdapat risiko melecur. Berhati-hati semasa anda mengosongkan tangki air.

6.8 SousVide

Program ini adalah teknik memasak di mana makanan dalam bekas yang bertutup vakum diletakkan dalam suasana stim tepu, dikedalkan pada suhu yang tetap. Untuk cara memasak yang lebih lestari bagi jenis makanan cecair, contohnya pencuci mulut dan sos juga boleh dimasak dalam balang pengetinan yang bertutup rapat.


1. Sediakan bahan dalam bekas bertutup vakum dan letakkannya di atas rak dawai.
2. Masuk ke menu dan pilih: Functions (Fungsi).

3. Tekan  SousVide.
4. Tetapkan suhu dan masa memasak.
5. Tekan dan ikuti arahan pada paparan START
6. Setelah memasak, buka pintu ketuhar dengan berhati-hati. Air baki boleh meluwap di bahagian dalam ketuhar dan bekas yang bertutup vakum.
7. Apabila perkakas sejuk, keluarkan air dari bawah bahagian dalam dengan span. Keringkan bahagian dalam oven dengan kain lembut.

⚠️ AMARAN!

Terdapat risiko melecur. Berhati-hati apabila anda mengeluarkan makanan daripada perkakas.

6.9 Tangki air



- A. Tudung
- B. Tangki
- C. Bukaan salur masuk air
- D. Skala
- E. Penutup depan

6.10 Nota berkaitan: Heat Save Fan (Kipas Penjimatan Haba)

Fungsi ini digunakan untuk mematuhi kelas kecekapan tenaga dan keperluan reka bentuk eko (menurut EU 65/2014 dan EU 66/2014). Ujian mengikut: IEC/EN 60350-1.

Pintu ketuhar perlu ditutup semasa memasak supaya fungsinya tidak diganggu dan ketuhar beroperasi dengan kecekapan tenaga tertinggi.


Apabila anda menggunakan fungsi ini, lampu akan padam secara automatik selepas 30 saat.

Untuk arahan memasak, rujuk Petunjuk dan petua, Heat Save Fan (Kipas Penjimatan Haba). Untuk cadangan penjimatan tenaga, rujuk Kecekapan tenaga, Petua penjimatan tenaga.

7. FUNGSI TAMBAHAN

7.1 Child Lock (Kunci Kanak-kanak)



Fungsi ini menghalang operasi perkakas secara tidak sengaja. Ia boleh diaktifkan pada bila-bila masa.

1. Masuk ke menu.
2. Pilih  Preferences (Pilihan) / Child Lock (Kunci Kanak-kanak).

Child Lock (Kunci Kanak-kanak) diaktifkan. Untuk membolehkan penggunaan perkakas, pilih huruf kod mengikut urutan abjad.

7.2 Pematian automatik

Atas sebab keselamatan, jika fungsi pemanasan adalah aktif dan tiada tetapan diubah, perkakas akan dimatikan secara automatik selepas tempoh masa tertentu.

 (°C)	 (j)
30 - 115	12.5
120 - 195	8.5
200 - 230	5.5

Jika anda berhasrat untuk menjalankan fungsi pemanasan untuk tempoh yang melebihi masa dimatikan automatik, tetapkan masa memasak. Rujuk Fungsi jam.




7.3 Kipas penyejuk

Apabila perkakas beroperasi, kipas penyejuk dihidupkan secara automatik untuk memastikan permukaan perkakas sejuk. Jika

anda mematikan perkakas, kipas penyejuk akan terus beroperasi sehingga perkakas sejuk.

8. FUNGSI JAM

8.1 Penerangan fungsi jam

Fungsi	Penerangan
Timer (Pemasakan)	Untuk menetapkan tempoh memasak. Maksimum ialah 23 j 59 min. Untuk menetapkan apa yang berlaku apabila masa tamat buat pilihan yang diinginkan: End Action (Tamatkan Tindakan). Pemasa boleh digunakan secara berasingan, walaupun ketuhar tidak beroperasi.
End Action (Tamatkan Tindakan)	<p> Sound Alarm (Bunyikan Penggera) Apabila masa tamat, isyarat akan berbunyi. Fungsi ini boleh ditetapkan pada bila-bila masa, walaupun perkakas dimatikan.</p> <p> Sound Alarm and stop cooking (Bunyikan Penggera dan berhenti memasak) Apabila masa tamat, isyarat akan berbunyi dan fungsi pemanasan akan dimatikan.</p> <p> Pop up message only (Mesej pop timbul sahaja) Apabila masa tamat, mesej akan muncul pada paparan. Fungsi ini tidak mempunyai kesan terhadap pengendalian peralatan.</p>
Delayed start (Permulaan tertangguh)	Untuk menangguhkan masa mula dan / atau tamat memasak.
Time Extension (Lanjutan Masa)	Untuk memanjangkan masa memasak.
Uptimer (Pemasakan naik)	Untuk menunjukkan berapa lama perkakas beroperasi. Maksimum ialah 23 j 59 min. Ia bermula secara automatik apabila proses ketuhar dimulakan dan berhenti apabila proses itu tamat. Ia boleh dilihat pada skrin utama sekiranya tiada pemasa lain ditetapkan. Fungsi ini tidak mempunyai kesan terhadap pengendalian peralatan.


8.2 Timer (Pemasakan)

1. Pilih fungsi pemanasan dan tetapkan suhu.
2. Tekan: Timer (Pemasakan).
3. Setkan tempoh. Anda boleh memilih tindakan tamat yang diinginkan dengan menekan salah satu simbol.
4. Tekan untuk mengesahkan dan kembali ke skrin utama. OK

8.3 Delayed start (Permulaan tertangguh)


1. Pilih fungsi pemanasan dan laraskan tetapan.
2. Tekan
3. Tekan: Delayed start (Permulaan tertangguh).
4. Skrol untuk menetapkan masa mula yang diinginkan dan tekan . OK
5. Anda kini boleh menetapkan End time (Masa Tamat) yang diinginkan atau tekan untuk melangkaui langkah ini. OK
6. Tekan untuk kembali skrin utama. OK

8.4 Time of Day (Masa)

1. Hidupkan perkakas.
2. Tekan /  Setup (Persediaan) / Time of Day (Masa).
3. Tetapkan masa.
4. Tekan . OK

8.5 Menukar tetapan pemasa

Anda boleh mengubah masa yang ditetapkan semasa memasak pada bila-bila masa.

1. Tekan /  Timer (Pemasakan).
2. Tetapkan nilai pemasa baharu. Tekan . OK

9. MENGGUNAKAN AKSESORI

AMARAN!

Rujuk bab Keselamatan.


9.1 Memasukkan aksesori

Aksesori tersedia bergantung pada model. Imbas kod QR untuk menyemak cara penggunaan aksesori yang dibekalkan dengan perkakas anda. Anda boleh memesan aksesori pilihan secara berasingan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi pembekal setempat.



Lekukan kecil di bahagian atas meningkatkan keselamatan dan menyediakan perlindungan kecondongan. Lekukan itu juga merupakan satu mekanisme agar dulang tidak terbalik. Tepi sekeliling rak menghalang peralatan memasak daripada terluncur daripada rak.

Masukkan aksesori (rak dawai / dulang) antara bar panduan sokongan rak. Pastikan rak menyentuh bahagian belakang bahagian dalam ketuhar.



Jika dulang anda mempunyai cerun, letakkannya pada kedudukan menghadap ke belakang bahagian dalam ketuhar.

Jika rak dawai mempunyai paras bertingkat, letakkannya pada kedudukan menghadap ke hadapan bahagian dalam ketuhar.

Jika terdapat tulisan pada aksesori, pastikan ia menghadap ke arah anda.

Jika anda menggunakan dulang berlubang, letakkan dulang / kuali di bawahnya, untuk mengumpul cecair yang menitis.

9.2 Food Sensor (Sensor Makanan)

Ia mengukur suhu di dalam makanan.

Terdapat dua suhu untuk ditetapkan:

- $^{\circ}\text{C}$ - suhu di dalam perkakas. Ia hendaklah sekurang-kurangnya 25°C lebih tinggi daripada suhu teras makanan.

- \mathcal{R} - suhu teras makanan.

Cadangan:


- Bahan harus berada pada suhu bilik.
- Jangan gunakannya untuk hidangan cair.
- Semasa memasak, jarum sensor makanan mesti dimasukkan sepenuhnya ke dalam hidangan.

Memasak dengan: Food Sensor (Sensor Makanan)

AMARAN!


Terdapat risiko melecur kerana Sensor Makanan dan sokongan rak menjadi panas. Jangan sentuh pemegang Sensor Makanan dengan tangan kosong. Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar.

1. Pilih fungsi pemanasan daripada menu: Functions (Fungsi) atau hidangan daripada menu: Dishes (Hidangan).
2. Tetapkan suhu ketuhar dan masa memasak, jika perlu.
3. Tekan . OK
4. Tekan . START
5. Masukkan Sensor Makanan ke dalam bekas:
Daging, ayam itik dan ikan
Masukkan keseluruhan jarum Sensor Makanan ke dalam daging atau ikan pada bahagian paling tebal.



Kaserol

Masukkan hujung Sensor Makanan tepat di tengah kaserol. Sensor Makanan hendaklah distabilkan di satu tempat sewaktu memasak. Gunakan bahan pejal untuk mencapai kestabilan tersebut. Gunakan bibir bekas pembakar untuk menyokong pemegang Sensor Makanan. Hujung Sensor Makanan tidak seharusnya mencecah dasar bekas pembakar.



6. Palamkan Sensor Makanan ke dalam soket yang terletak di dalam perkakas. Rujuk bab "Penerangan produk".

Paparan menunjukkan suhu semasa Sensor Makanan.

7. - tekan untuk melaraskan tetapan. ^
8. Pilih kad Food Sensor (Sensor Makanan) untuk menetapkan suhu teras sensor atau menetapkan pilihan yang diinginkan:
 - Sound Alarm (Bunyikan Penggera) - apabila makanan mencapai suhu teras, isyarat akan berbunyi.
 - Sound Alarm and stop cooking (Bunyikan Penggera dan berhenti memasak) - apabila makanan mencapai suhu teras, isyarat akan berbunyi dan memasak dihentikan.
 - Pop up message only (Mesej pop timbul sahaja) -apabila makanan mencapai suhu teras, mesej muncul pada paparan.
9. Tekan . OK
10. Apabila makanan mencapai suhu yang ditetapkan, isyarat akan berbunyi. Periksa sama ada makanan sudah siap. Panjangkan masa memasak, jika perlu.
11. - tekan untuk mematikan fungsi pemanasan. STOP
12. Keluarkan palam Sensor Makanan daripada soket dan keluarkan bekas pembakar daripada perkakas.

10. PETUNJUK DAN PETUA

10.1 Cadangan memasak

Suhu dan masa memasak dalam jadual hanyalah sebagai garis panduan. Ia bergantung pada resepi, kualiti serta kuantiti bahan yang digunakan.

Perkakas anda boleh membakar atau memanggang secara berbeza berbanding perkakas anda sebelum ini. Petunjuk di bawah menunjukkan tetapan yang disyorkan untuk suhu, masa memasak dan kedudukan rak untuk jenis makanan tertentu.

Kira kedudukan rak daripada bahagian bawah tapak ketuhar.

Sekiranya anda tidak menemui tetapan untuk resipi tertentu, cari yang serupa.

Untuk penjimatan tenaga rujuk Kecekapan tenaga.






Simbol yang digunakan dalam jadual:



Jenis makanan



Fungsi pemanasan

	Suhu
	Aksesori
	Bekas (Gastronorm)
	Berat (kg)
	Kedudukan rak
	Masa memasak (min)

10.2 Heat Save Fan (Kipas Penjimatan Haba) - aksesori dicadangkan





Gunakan loyang dan bekas yang gelap dan tidak memantul. Ia mempunyai daya

penyerapan haba yang lebih baik berbanding bekas berwarna cerah dan memantul.

- **Loyang piza** - gelap, tidak memantul, diameter 28 sm
- **Bekas membakar** - gelap, tidak memantul, diameter 26 sm
- **Belanga** - seramik, diameter 8 sm, ketinggian 5 sm
- **Loyang alas flan** - gelap, tidak memantul, diameter 28 sm

10.3 Heat Save Fan (Kipas Penjimatan Haba)

Untuk hasil terbaik, ikuti cadangan yang disenaraikan dalam jadual di bawah.

		°C		
Gulungan manis, 16 keping	dulang membakar atau panci titis	180	2	25 - 35
Baulu Gulung	dulang membakar atau panci titis	180	2	15 - 25
Seekor ikan, 0.2 kg	dulang membakar atau panci titis	180	3	15 - 25
Biskut, 16 keping	dulang membakar atau panci titis	180	2	20 - 30
Makarun, 24 keping	dulang membakar atau panci titis	160	2	25 - 35
Muffin, 12 keping	dulang membakar atau panci titis	180	2	20 - 30
Pastri savuri, 20 keping	dulang membakar atau panci titis	180	2	20 - 30
Biskut kerak rapuh, 20 keping	dulang membakar atau panci titis	140	2	15 - 25
Tartlet, 8 keping	dulang membakar atau panci titis	180	2	15 - 25

10.4 Maklumat untuk institusi ujian

Ujian mengikut: EN 60350-1, IEC 60350-1.

Membakar di satu tingkat






			°C		
Kek span tanpa lemak	Hot Air (Udara Panas)	Rak dawai	160	45 - 60	2
Kek span tanpa lemak	Top & Bottom (Atas & Bawah)	Rak dawai	160	45 - 60	2
Pai epal ¹⁾	Hot Air (Udara Panas)	Rak dawai	160	55 - 65	2
Pai epal ¹⁾	Top & Bottom (Atas & Bawah)	Rak dawai	180	55 - 65	1
Biskut rapuh	Hot Air (Udara Panas)	Dulang pembakar	140	25 - 35	2
Biskut rapuh	Top & Bottom (Atas & Bawah)	Dulang pembakar	140	25 - 35	2
Kek kecil, 20 setiap dulang ²⁾	Hot Air (Udara Panas)	Dulang pembakar	150	20 - 30	3
Kek kecil, 20 setiap dulang ²⁾	Top & Bottom (Atas & Bawah)	Dulang pembakar	170	20 - 30	3
Roti bakar ³⁾	Top (Atas)	Rak dawai	maks.	1 - 2	5

1) 2 loyang diletakkan menyerong (Ø 20 sm). Loyang sebelah kanan akan diletakkan lebih hadapan daripada loyang sebelah kiri.

2) Panaskan perkakas terlebih dahulu sehingga suhu yang ditetapkan dicapai menggunakan tetapan: Preheat (Prapanas) / None (Tiada). Jangan gunakan: Preheat (Prapanas) / Fast (Pantas) dan Eco. Rujuk Kegunaan harian, Tetapan, Submenu: Pilihan.

3) Panaskan perkakas terlebih dahulu selama 5 min menggunakan tetapan: Preheat (Prapanas) / None (Tiada). Jangan gunakan: Preheat (Prapanas) / Fast (Pantas) dan Eco. Rujuk Kegunaan harian, Tetapan, Submenu: Pilihan.

Pembakaran berbilang tingkat

			°C		
Biskut rapuh	Hot Air (Udara Panas)	Dulang pembakar	140	25 - 45	2 dan 4
Kek kecil, 20 setiap dulang ¹⁾	Hot Air (Udara Panas)	Dulang pembakar	150	25 - 35	2 dan 4
Kek span tanpa lemak	Hot Air (Udara Panas)	Rak dawai	160	45 - 55	2 dan 4
Pai epal	Hot Air (Udara Panas)	Rak dawai	160	55 - 65	2 dan 4






1) Panaskan perkakas terlebih dahulu sehingga suhu yang ditetapkan dicapai menggunakan tetapan: Preheat (Prapanas) / None (Tiada). Jangan gunakan: Preheat (Prapanas) / Fast (Pantas) dan Eco. Rujuk Kegunaan harian, Tetapan, Submenu: Pilihan.

10.5 Maklumat untuk institusi ujian

Gunakan fungsi: ProSteam, tahap: Full Steam (Stim Penuh).

Ujian mengikut EN 60350-1, IEC 60350-1.






Tetapkan suhu kepada 100°C.

				
Brokoli ^{1) 2)}	2/3 Set stim bertebuk	0.3	3	8 - 9
Brokoli ^{1) 2)}	2/3 Set stim bertebuk	maks.	3	10 - 11
Pis, beku ²⁾	2 x 2/3 Set stim bertebuk	2 x 1.5	2 dan 4	Sehingga suhu di bahagian paling sejuk mencecah 85°C.

1) Panaskan perkakas terlebih dahulu sehingga suhu yang ditetapkan dicapai menggunakan tetapan: Preheat (Prapanas) / None (Tiada). Jangan gunakan: Preheat (Prapanas) / Fast (Pantas) dan Eco. Rujuk Kegunaan harian, Tetapan, Submenu: Pilihan.

2) Letakkan dulang pembakar pada kedudukan rak pertama, dengan cerun ke arah belakang bahagian dalam ketuahr.

Resipi stim tambahan

				°C	
Mengukus hidangan gabungan (2 bahagian) ¹⁾	ProSteam, tahap: Full Steam (Stim Penuh)	Talam serba guna 1/2 bertebuk (kentang dan brokoli) dan tidak bertebuk (salmon)	2 (Salmon) 4 (Brokoli dan kentang)	100	40 (Kentang) 18 - 20 (Salmon) 10 - 12 (Brokoli)
Puding karamel (6 bahagian)	ProSteam, tahap: Humidity High (Kelembapan Tinggi)	Pinggan porselin buhat atas rak dawai	2	90	35 - 45
Kastard telur	ProSteam, tahap: Full Steam (Stim Penuh)	Talam serba guna 1/2 tidak bertebuk	2	85	35 - 45
Roti Putih	Bread Baking (Pembakaran roti), jenis makanan: Roti	Dulang pembakar ²⁾	2	180	40 - 50
	ProSteam, tahap: Humidity Low (Kelembapan Rendah) ³⁾				40 - 50
Ayam ⁴⁾	ProSteam, tahap: Humidity Low (Kelembapan Rendah)	Rak dawai	2	200	60 - 70

1) Letakkan bahan dalam ketuahr satu demi satu pada masa yang sesuai, supaya semua komponen masak pada masa yang sama. Anda boleh menyediakan dua bahagian pada masa yang sama.

2) Gunakan dulang pembakar dengan cerun ke arah belakang bahagian dalam ketuahr.

3) Gunakan ProSteam hanya jika fungsi Bread Baking (Pembakaran roti) tidak tersedia.

4) Letakkan dulang pembakar pada kedudukan rak pertama untuk mengumpul lemak.

11. PENJAGAAN DAN PEMBERSIHAN

AMARAN!

Rujuk bab Keselamatan.

11.1 Nota tentang pembersihan

Agen pembersih

- Bersihkan bahagian hadapan perkakas dengan kain gentian mikro dan air suam serta sedikit detergen lembut sahaja.
- Bersihkan bahagian bawah rongga dengan beberapa titis cuka atau asid sitrik untuk menyingkirkan sisa batu kapur.
- Gunakan larutan pembersih untuk membersihkan permukaan logam.
- Bersihkan kotoran dengan detergen lembut.

Penggunaan harian

- Bersihkan bahagian dalam perkakas selepas setiap penggunaan. Pengumpulan minyak atau sisa lain boleh mengakibatkan kebakaran.
- Jangan simpan makanan di dalam perkakas selama lebih dari 20 minit. Keringkan bahagian dalam perkakas dengan kain mikrofiber sahaja selepas setiap penggunaan.

Aksesori


- Bersihkan semua aksesori selepas setiap penggunaan dan biarkan ia kering. Gunakan kain gentian mikro dengan air suam dan detergen lembut sahaja. Jangan bersihkan aksesori di dalam mesin pencuci pinggan mangkuk.
- Jangan bersihkan aksesori tidak melekat menggunakan pembersih kasar atau objek tajam.

11.2 Mengalihihkan sokongan rak

Alihkan sokongan rak untuk membersihkan perkakas.

1. Matikan perkakas dan tunggu sehingga ia sejuk.
2. Tarik sokongan rak ke atas dan ke luar dari pengancing depan perlahan-lahan.
3. Tarik bahagian depan sokongan rak jauh daripada dinding sisi.

4. Tarik sokongan keluar daripada pengancing belakang.




Pasang sokongan rak mengikut jujukan songsang.

Jika pelari teleskop dibekalkan, pin penahannya mesti menghadap ke depan.

11.3 Steam Cleaning (Pembersihan Stim)

Program ini membersihkan perkakas apabila ia sedikit kotor. Stim melembutkan lemak atau sisa, menjadikannya lebih mudah untuk dibersihkan. Program ini menggunakan kurang tenaga.

1. Tekan  Settings (Tetapan) / Maintenance Programmes (Penyelenggaraan) / Steam Cleaning (Pembersihan Stim) atau Steam Cleaning Plus (Pembersihan Stim Tambahan).

Mod	Penerangan
Steam Cleaning (Pembersihan Stim)	Pembersihan ringan Tempoh: 30 min
Steam Cleaning Plus (Pembersihan Stim Tambahan)	Pembersihan normal Semburkan rongga dengan detergen. Tempoh: 75 min

2. Tekan . Ikuti arahan pada paparan. START
Sebelum anda mengeluarkan aksesori, pastikan perkakas sudah sejuk.
3. Isyarat berbunyi apabila pembersihan berakhir.
4. Keluarkan sisa air dari tangki air.
5. Biarkan pintu ketuhar terbuka dan tunggu sehingga bahagian dalam kering.



Apabila anda menggunakan fungsi ini, lampu akan dimatikan.


11.4 Cleaning Reminder (Peringatan pembersihan)

Apabila peringatan muncul, pembersihan disyorkan.


Gunakan fungsi: Steam Cleaning Plus (Pembersihan Stim Tambahan).

11.5 Membersihkan tangki air

1. Keluarkan tangki air dari perkakas.
2. Tanggalkan penutup tangki air. Angkat penutup sesuai dengan penonjolan di belakang.



3. Basuh bahagian tangki air dengan air dan sabun. Jangan gunakan span yang kasar dan jangan bersihkan tangki air di dalam mesin basuh pinggan mangkuk.
4. Pasang semula tangki air.
5. Pasang penutup. Pertama, masukkan cangkuk depan dan kemudian tekan ke badan tangki.



6. Masukkan tangki air.
7. Tolak tangki air ke arah perkakas hingga terkunci.

11.6 Descaling (Membuang kerak)

Program ini menanggalkan dan mengelakkan penokokan kerak kapur dalam sistem stim. Ia memastikan fungsi stim berfungsi dengan baik dan meningkatkan kualiti air dalam perkakas anda.

1. Tekan Settings (Tetapan) / Maintenance Programmes (Penyelenggaraan) / Descaling (Membuang kerak).
2. Tekan dan ikuti arahan pada paparan. START
Sebelum anda mengeluarkan aksesori, pastikan perkakas sudah sejuk.
3. Apabila fungsi berakhir, matikan perkakas dan tunggu sehingga ia sejuk.
4. Keluarkan sisa air dari tangki air.
5. Biarkan pintu ketuhar terbuka dan tunggu sehingga bahagian dalam kering.



Apabila anda menggunakan fungsi ini, lampu akan dimatikan.

11.7 Peringatan penyahkerakan

Perkakas memberikan dua peringatan untuk penyahkerakan. Peringatan penyahkerakan tidak boleh dinyahaktifkan.

- Peringatan lembut - mengesyorkan anda menyahkerak perkakas.
- Peringatan keras - mewajibkan anda menyahkerak perkakas. Sekiranya anda tidak menyahkerak perkakas apabila peringatan keras dihidupkan, fungsi stim akan dinyahaktifkan.

11.8 Rinsing (Pembilasan)

Gunakannya untuk membersihkan sistem stim setelah kerap menggunakan fungsi stim.

1. Tekan Settings (Tetapan) / Maintenance Programmes (Penyelenggaraan) / Rinsing (Pembilasan).
2. Tekan dan ikuti arahan pada paparan. START
Sebelum anda mengeluarkan aksesori, pastikan perkakas sudah sejuk.
3. Apabila program berakhir, isyarat berbunyi.

4. Biarkan pintu ketuhar terbuka dan tunggu sehingga bahagian dalam kering.



Apabila anda menggunakan fungsi ini, lampu akan dimatikan.

11.9 Drying (Mengering)

Gunakannya selepas memasak dengan fungsi pemanasan stim atau pembersihan stim untuk mengeringkan rongga.

Air berlebihan pada bahagian bawah rongga perlu dikeluarkan sebelum memulakan proses pengeringan.

1. Tekan Settings (Tetapan) / Maintenance Programmes (Penyelenggaraan) / Drying (Mengering).
2. Tekan dan ikuti arahan pada paparan START
Sebelum anda mengeluarkan aksesori, pastikan perkakas sudah sejuk.
3. Isyarat akan berbunyi apabila pengeringan tamat.



Apabila anda menggunakan fungsi ini, lampu akan dimatikan.

11.10 Peringatan pengeringan

Setelah memasak dengan fungsi pemanasan stim, paparan meminta untuk mengeringkan perkakas.

Tekan YA untuk mengeringkan perkakas.

11.11 Menanggalkan dan memasang pintu

Anda boleh menanggalkan pintu dan panel kaca dalaman untuk membersihkannya. Bilangan panel kaca adalah berbeza mengikut model.


AMARAN!

Pintu itu berat.


PERHATIAN!

Pegang kaca dengan berhati-hati, terutamanya di bahagian tepi panel depan. Gelas itu boleh pecah.


1. Pastikan perkakas sudah sejuk.
2. Buka pintu sepenuhnya.
3. Tekan tuil pengapit **A** pada dua engsel pintu.



4. Tutup pintu ketuhar ke kedudukan pembukaan pertama (kira-kira sudut: 70°).
5. Pegang pintu dengan satu tangan di setiap sisi dan tarik keluar dari ketuhar pada sudut ke atas.
6. Letakkan pintu dengan bahagian luar ke bawah pada kain lembut di permukaan yang stabil.
7. Pegang palang pintu **B** pada bucu atas pintu di kedua-dua belah dan tolak ke dalam untuk melepaskan pengedap klip.



8. Tarik perapi pintu ke depan untuk menanggalkannya.
9. Pegang panel kaca pintu pada bucu atas satu demi satu dan keluarkannya daripada kedudukannya.



10. Bersihkan panel kaca dengan air dan sabun. Keringkan panel kaca dengan berhati-hati. Jangan bersihkan panel kaca di dalam mesin basuh pinggan mangkuk.

Selepas pembersihan, lakukan langkah-langkah di atas mengikut jujukan songsang. Pasang panel yang lebih kecil terlebih dahulu, kemudian yang lebih besar dan pintu.

Pastikan panel kaca dimasukkan pada kedudukan yang betul dan jika tidak, permukaan pintu mungkin akan terlalu panas.

11.12 Menggantikan lampu


AMARAN!

Risiko mendapat kejutan elektrik. Lampu boleh menjadi panas.

1. Matikan perkakas dan tunggu sehingga ia sejuk.
2. Nyahsambung palam perkakas dari bekalan utama.
3. Letakkan kain di atas lantai ketuhar.

Lampu atas

1. Putar penutup kaca untuk melepaskannya.



2. Tanggalkan gegelang logam dan bersihkan penutup kaca.
3. Gantikan lampu dengan lampu tahan panas 300°C yang sesuai.
4. Lekapkan gegelang logam ke penutup kaca dan pasangkannya.

Lampu sisi

1. Tanggalkan sokongan rak kiri untuk mendapatkan akses ke lampu.
2. Gunakan pemutar skru Torx 20 untuk menanggalkan penutup.
3. Bersihkan penutup kaca.
4. Gantikan lampu dengan lampu tahan panas 300°C yang sesuai.
5. Pasangkan bingkai logam dan penutupnya. Ketatkan skru.
6. Pasangkan sokongan rak kiri.

12. PENYELESAIAN MASALAH

AMARAN!

Rujuk bab Keselamatan.

12.1 Apa yang perlu dilakukan sekiranya...

Penerangan masalah	Punca dan penyelesaian
Anda tidak boleh mengaktifkan atau mengoperasikan perkakas.	Perkakas tidak disambungkan ke bekalan elektrik atau sambungannya salah.
Perkakas tidak memanas.	Jam tidak ditetapkan. Untuk menetapkan jam rujuk Fungsi jam.
	Pintu tidak ditutup dengan betul.
	Fiusnya meletup. Pastikan fius adalah punca masalah. Sekiranya masalah berulang, hubungi juruelektrik yang berkeelayakan.
	Child Lock (Kunci Kanak-kanak) diaktifkan.
Lampu terpadam.	Lampu terbakar. Gantikan lampunya. Untuk butiran rujuk Penjagaan dan pembersihan.

Penerangan masalah	Punca dan penyelesaian
Perkakas tidak mengekalkan tangki air selepas anda memasukkannya.	Anda tidak menekan badan tangki air sepenuhnya. Masukkan tangki air sepenuhnya ke dalam perkakas.
Air keluar dari tangki air.	Anda tidak memasang tudung tangki air dengan betul.
Tangki air sukar dibersihkan.	Pastikan penutup ditanggalkan sebelum anda memulakan pembersihan.
Tiada air di dalam dulang selepas prosedur penyahkerakan.	Tangki air tidak diisi sehingga ke paras maksimum. Periksa sama ada agen penyahkerakan / air terdapat di dalam badan tangki air.
Terdapat air kotor di bahagian bawah rongga selepas penyahkerakan.	Dulang berada atas kedudukan rak yang salah. Keluarkan air baki dan agen penyahkerakan dari bawah perkakas. Lain kali letakkan dulang atas kedudukan rak pertama.
Terdapat terlalu banyak air kotor di bahagian bawah rongga selepas pembersihan.	Anda meletakkan terlalu banyak detergen di dalam perkakas sebelum mula membersihkannya. Lain kali, sebarkan secara sekata lapisan pencuci yang nipis pada dinding rongga.
Prestasi pembersihan tidak memuaskan.	Anda mula membersihkan ketika perkakas terlalu panas. Tunggu hingga perkakas menyejuk. Ulangi pembersihan. Anda tidak mengeluarkan semua aksesori dari perkakas sebelum membersihkan. Keluarkan semua aksesori dan ulangi pembersihan.
Elektrik yang terputus selalu menghentikan pembersihan. Ulangi pembersihan jika terganggu oleh kegagalan kuasa. ⓘ	
Masalah dengan isyarat rangkaian wayarles.	Periksa sama ada peranti mudah alih anda disambungkan ke rangkaian wayarles. Periksa rangkaian wayarles dan penghala anda. Mulakan semula penghala.
Penghala baharu dipasangkan atau konfigurasi penghala berubah.	Untuk mengkonfigurasi semula perkakas dan peranti mudah alih, rujuk Sebelum penggunaan pertama, Sambungan wayarles.
Isyarat rangkaian wayarles adalah lemah.	Alihkan penghala sedekat mungkin dengan perkakas.
Isyarat wayarles terganggu oleh ketuhar gelombang mikro yang diletakkan berhampiran perkakas.	Matikan ketuhar gelombang mikro. Elakkan menggunakan ketuhar gelombang mikro dan Operasi jarak jauh perkakas pada masa yang sama. Gelombang mikro mengganggu isyarat WiFi.

12.2 Kod ralat

Apabila ralat perisian berlaku, paparan menunjukkan mesej ralat. Anda akan dapati senarai masalah dalam jadual di bawah.

Kod dan keterangan	Penawar
F102 - pintu tidak ditutup dengan rapat atau kunci pintu rosak. ⓘ	Tutup pintu itu. Tutup dan hidupkan perkakas.
F111 - Food Sensor (Sensor Makanan) tidak dimasukkan ke soket dengan betul.	Palamkan sepenuhnya Food Sensor (Sensor Makanan) ke dalam soket.

Kod dan keterangan	Penawar
F240, F239 - medan sentuhan pada paparan tidak berfungsi dengan baik.	Bersihkan permukaan paparan. Pastikan tiada kotoran pada medan sentuhan.
F908 - sistem perkakas tidak dapat disambungkan dengan panel kawalan.	Tutup dan hidupkan perkakas.
F131 - suhu sensor pengukus terlalu tinggi. 1) 2)	Matikan perkakas dan tunggu sehingga sejuk. Hidupkan perkakas semula.
F144 - sensor di dalam Tangki air tidak dapat mengukur paras air. 1) 2)	Kosongkan Tangki air dan isi semula.
F508 - Tangki air tidak berfungsi dengan baik. 1) 2)	Tutup dan hidupkan perkakas.
F602, F603 - Wi-Fi tidak tersedia. 1) 2)	Tutup dan hidupkan perkakas.

1) Apabila mesej ralat berikut muncul di skrin secara berterusan, ini bermaksud subsistem yang rosak mungkin telah dinyahdayakan. Sekiranya berlaku, hubungi pengedar anda atau Pusat Servis Sah.

2) Sekiranya salah satu ralat ini berlaku, fungsi perkakas selebihnya akan terus berfungsi seperti biasa.

12.3 Data perkhidmatan

Jika anda tidak dapat mencari penyelesaian bagi masalah itu sendiri, sila hubungi penjual anda atau Pusat Servis Yang Sah.

Data yang diperlukan untuk pusat servis ada pada plat perkadaran. Plat perkadaran terdapat pada bingkai depan perkakas. Ia kelihatan apabila anda membuka pintu. Jangan alihkan plat perkadaran daripada perkakas.

Kami mengesyorkan agar anda menulis data di sini:

Model (MOD.):

Nombor produk (PNC):

Nombor siri (S.N.):

13. KECEKAPAN TENAGA

13.1 Petua penjimatan tenaga

Mengikuti petua di bawah akan membantu anda menjimatkan tenaga apabila menggunakan perkakas anda.

Pastikan pintu perkakas ditutup apabila perkakas sedang berfungsi. Jangan terlalu kerap membuka pintu perkakas ketika memasak. Pastikan gasket pintu bersih dan pastikan ia terletak dengan baik pada kedudukannya.

Guna peralatan memasak logam serta loyang dan bekas yang gelap dan tidak memantul untuk meningkatkan penjimatan tenaga.

Jangan panaskan terlebih dahulu perkakas sebelum memasak melainkan disyorkan secara khusus.

Pastikan waktu rehat antara masa membakar adalah sependek yang mungkin apabila anda menyiapkan beberapa jenis hidangan.

Memasak dengan kipas

Jika berkemungkinan, gunakan fungsi memasak dengan kipas untuk menjimatkan tenaga.

Haba baki

Apabila tempoh memasak melebihi 30 min, kurangkan suhu perkakas kepada suhu minimum 3 - 10 min sebelum tempoh memasak berakhir. Haba baki dalam perkakas akan meneruskan pemasakan.

Gunakan haba baki untuk mengekalkan makanan hangat atau memanaskan makanan lain.

Apabila anda mematikan perkakas, paparan menunjukkan haba baki atau suhu.

Jika program dengan Timer (Pemasa) diaktifkan dan masa memasak melebihi 30 min, elemen pemanasan akan dimatikan lebih awal secara automatik pada sesetengah fungsi perkakas.

Mengekalkan kepanasan makanan

Pilih tetapan suhu paling rendah untuk menggunakan haba baki dan mengekalkan kepanasan makanan. Penunjuk haba baki atau suhu akan kelihatan di paparan.

Memasak dengan lampu dimatikan


Matikan lampu ketika memasak. Hidupkan lampu hanya apabila anda memerlukannya.


Heat Save Fan (Kipas Penjimatan Haba)

Fungsi yang direka bentuk untuk penjimatan tenaga semasa memasak.

Apabila anda menggunakan fungsi ini, lampu akan hidup secara automatik selepas 30 saat. Anda boleh menghidupkan semula lampu tetapi tindakan ini akan mengurangkan penjimatan tenaga yang dijangkakan.

14. KEBIMBANGAN ALAM SEKITAR

Kitar semula bahan-bahan dengan simbol . Letakkan bahan pembungkusan dalam bekas yang sesuai untuk mengitar semula. Bantu lindungi alam sekitar dan kesihatan manusia dengan mengitar semula sisa perkakasan elektrik dan elektronik. Jangan lupuskan

perkakasan yang bertanda dengan simbol  dengan bahan buangan isi rumah. Kembalikan produk ke fasiliti kitar semula tempatan anda atau hubungi pejabat perbandaran anda.







